

Lelaki kejam tiada sesalan



H.M 23/07/08 M15-8

Perogol budak 5 tahun dipenjara 20 tahun, 20 sebatan

KUANTAN: Seorang pemotong kayu balak yang didapati bersalah merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun tiga bulan, lebih setahun lalu, masih mampu tersenyum walaupun dijatuhi hukuman penjara 20 tahun dan 20 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Kamalason Krishnan, 47, dikenakan hukuman itu mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol dengan kejam kanak-kanak berkenaan di samping menyula kemaluan mangsa dengan kayu menyebabkan organ kanak-kanak itu koyak teruk selain ususnya terkeluar, kira-kira jam 6.45 petang, 25 Disember 2006.

Kamalason dari Taman LKNP di sini, yang tidak diwakili peguam juga tidak menunjukkan sebarang emosi ketika hukuman dijatuhkan tetapi tunduk beberapa kali ketika Hakim Kanan Ahmad Zamzani Mohd Zain membacakan alasan penghakimannya.

Malah, dia masih mampu tersenyum dan bergurau apabila melambaikan tangan ke arah jurugambar dan wartawan yang membuat liputan selepas prosiding itu selesai.

Dalam penghakimannya, Ahmad Zamzani memutuskan tertuduh bersalah kerana bukti dan keterangan dikemukakan kukuh, sekali gus membawa kepada sabitan.

Menurut Ahmad Zamzani, kesalahan dilakukan tertuduh adalah serius, kejam dan tidak berperikemanusiaan sehingga mengakibatkan masha depan mangsa gelap.

Sehubungan itu, beliau menolak rayuan tertuduh yang memohon hukumannya diringankan walaupun memberi alasan perlu menyara



isteri bersama dua anak masih kecil dan ibu sudah uzur.

Berdasarkan fakta kes, mangsa dibawa ke kedai oleh tertuduh dengan menunggang motosikal ketika sedang bermain pasir dengan kakaknya di depan rumah.

Tertuduh kemudian membawa mangsa ke jirat Cina, Bukit Setongkol, di sini, sebelum memukul kepala kanak-kanak itu dengan batu dan merogolnya dengan menjolok kayu serta kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa.

Mangsa ditinggalkan di situ sebelum ditemui anggota polis berhampiran tempat kejadian dalam keadaan cedera parah dan dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini dengan ambulans.

Hasil pemeriksaan menda-

Kamalason dari Taman LKNP di sini, yang tidak diwakili peguam juga tidak menunjukkan sebarang emosi ketika hukuman dijatuhkan tetapi tunduk beberapa kali ketika Hakim Kanan Ahmad Zamzani Mohd Zain membacakan alasan penghakimannya.

pati, bahagian kanan kepala mangsa luka akibat hentakan, bengkak berdarah di dahi, bintik pendarahan di kedua-dua kelopak mata disebabkan pijakan kaki, lebam di kedua-dua telinga dan leher kerana dicekik, selain pendarahan di alat sulit dan kesakitan di perut.

Hasil keterangan tiga saksi, tertuduh ditangkap pada 27 Disember 2006 kira-kira jam 12.30 tengah malam dan polis turut merampas serangkaian kunci dan motosikal miliknya.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Fadhli Mahmud.

Terdahulu, dalam hujah balasnya, Ahmad Fadhli mengemukakan enam faktor mengapa tertuduh wajar dikenakan hukuman maksimum dan rayuan meringkankan hukuman perlu ditolak.

Selain kecederaan serius akibat perbuatan kejam itu, katanya, kejadian itu akan menghantui mangsa dalam tempoh panjang dan memerlukan pengorbanan keluarga yang terpaksa mendidik dan menjaganya agar melupakan peristiwa pahit itu.

"Hukuman juga perlu dikenakan berdasarkan kepentingan awam bagi menunjukkan kerajaan dan masyarakat memandang serius kesalahan itu. Hukuman berat perlu diberikan bagi menunjukkan usaha mahkamah membendung kesalahan itu daripada berulang," katanya.